

M'sia Boleh Contohi Kaedah 'Prime Minister Question Time' Australia - Pandikar Amin Bernama

7 Apr, 2014

KUALA LUMPUR, 7 April (Bernama) -- Malaysia mungkin boleh mencontohi kaedah 'Prime Minister Question Time' seperti yang dilaksanakan di Parlimen Australia.

Yang Dipertua Dewan Rakyat Tan Sri Pandikar Amin Mulia berkata beliau tertarik dengan kaedah itu, yang dikongsi oleh Timbalan Speaker Australia Bruce Scott ketika mengunjungi beliau di pejabatnya di bangunan Parlimen, Isnin.

Melalui kaedah itu, perdana menteri Australia meluangkan masa khas sehari dalam seminggu di Parlimen untuk menjawab pelbagai soalan yang dikemukakan anggota Parlimen, katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan Scot selama kira-kira 40 minit.

Jelas Pandikar Amin, kaedah itu sesuai, seiring tuntutan masa bagi membolehkan Parlimen Malaysia ditambah baik dari semasa ke semasa, termasuk mencontohi kaedah dari negara yang mengamalkan sistem sama yang berasaskan undang-undang British.

Scott turut menyatakan kekaguman beliau terhadap sistem Parlimen di negara ini yang cepat dalam membuat sesuatu keputusan, katanya.

Selain itu, Pandikar Amin berkata antara perkara lain dibincangkan dalam pertemuan itu adalah isu kehilangan pesawat Malaysia Airlines (MAS) MH370.

Beliau berkata Scott dan anggota delegasi menzahirkan rasa simpati mereka, menyatakan sokongan tidak berbelah-bahagi dan memberi jaminan untuk terus membantu Malaysia sedaya mampu di bawah bidang kuasa negara itu dalam usaha mencari pesawat itu yang hilang sejak 8 Mac lepas.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1028688>